

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pekerja asing dan pendatang haram secara tetap untuk mengawal aliran keluar wang, membebani sistem kesihatan awam dan masalah-masalah lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedar senario kebanjiran pekerja asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia masih menjadi isu nasional yang belum dapat diatasi secara holistik. Masalah ini menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat kerana ia bukan sahaja menyentuh aspek keselamatan negara dan keselamatan persempadanan, tetapi turut memberi impak yang cukup besar terhadap masalah sosial, sistem kesihatan awam dan peluang pekerjaan rakyat tempatan serta pertumbuhan ekonomi.

Dalam menangani permasalahan ini, Kementerian ini turut bekerjasama dengan agensi penguatkuasa lain terutamanya Jabatan Imigresen (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk terus menjalankan operasi penguatkuasaan di lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan

SOALAN NO: 14

warganegara asing. Majikan yang dikesan menggaji pendatang asing tanpa izin akan diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2010) (ATIPSON) dan Akta Kerja 1955.

Semenjak Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tiada kemasukan baharu pekerja asing ke dalam negara berikutan daripada penutupan pintu sempadan sehingga 31 Disember 2021. Bagi menangani kekurangan tenaga kerja yang dihadapi oleh pihak industri susulan daripada pembekuan pengambilan pekerja asing baharu dalam negara, Kerajaan menerusi Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia telah merangka pelan **Program Rekalibrasi**. Objektif utama pelaksanaan pelan ini adalah:

- a) membenarkan PATI pulang ke negara asal secara sukarela melalui **Program Rekalibrasi Pulang (PRP)**; dan
- b) meregularisasikan PATI yang ada dalam negara sebagai pekerja asing yang sah melalui **Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK)**.

Program Rekalibrasi Pulang merupakan inisiatif Kerajaan bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa dan berada di Malaysia tanpa pas yang sah untuk balik ke negara asal secara sukarela. Program ini secara tidak langsung boleh menyelesaikan masalah pendatang haram. Sehingga Ogos 2021, seramai **96,809 PATI telah dihantar pulang** ke negara masing-masing menerusi Program Rekalibrasi Pulang.

Manakala Program Rekalibrasi Tenaga Kerja pula merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan melalui JIM dan KSM. Lambakan pekerja asing khususnya pendatang tanpa izin turut meningkatkan pengaliran keluar wang, sekali gus melemahkan nilai tukaran mata wang negara. Oleh itu, kerajaan sedang mengkaji mekanisme untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing, sekali gus mengawal aliran keluar wang negara untuk jangka masa panjang. Antara langkah awal adalah dengan paras gaji

SOALAN NO: 14

minimum dinaikkan kepada RM1,200 sebulan di wilayah bandar utama dan RM1,100 sebulan di kawasan selain wilayah bandar utama agar rakyat tempatan berminat untuk mengisi peluang pekerjaan yang ada.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam membendung pandemik COVID-19 yang menjadi ancaman besar kepada kesihatan awam dan ekonomi kali ini masih perlu diperhalusi, terutama faktor kewujudan kluster tempat kerja. Mengikut rentetan perkembangan COVID-19, kadar keberjangkitan membabitkan tenaga kerja warga asing sukar diturunkan akibat sikap acuh tidak acuh majikan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan KSM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Perkara ini meningkatkan risiko jangkitan COVID-19 di penginapan pekerja. Justeru, Jabatan Tenaga Kerja telah menguatkuasakan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] di mana majikan perlu mematuhi piawaian ditetapkan dalam menguruskan penginapan pekerja supaya kluster berkaitan tempat kerja dapat dihapuskan.

Sekian, terima kasih.